


SAGIYAH SALIKIN

TAHU MENJAGA TUAH



RUHAYAH MAHMUD

satu biografi

PELANDUK PUBLICATIONS (M) SDN BHD (113307-W)

Syarikat hakmilik MPH Group Publishing Sdn Bhd

Lot 1, 1st Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4

46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

emel: mpublishing@mph.com.my

Hak cipta © 2017

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman atau sebagainya tanpa izin daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ruhayah Mahmod

SAGIYAH SALIKIN : TAHU MENJAGA TUAH / RUHAYAH MAHMOD.

ISBN 978-967-978-986-7

1. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia.

2. Women—Societies and clubs—Biography. 3. Women—Malaysia—

Biography. I. Judul.

920.7209595

Diedarkan oleh
MPH Distributors Sdn Bhd
Ground Floor, Bangunan TH, No. 5 Jalan Bersatu 13/4
46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Dicetak oleh
MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No. 31 Jalan 2/148A, Taman Sungei Besi Industrial Park
57100 Kuala Lumpur, Malaysia



DR. MAHATHIR MOHD

SAGIYAH SALIKIN

TAHU MENJAGA TUAH

RUHAYAH MAHMUD



PELANDUK

PUSTAKA PERDANA



1011034




Rupa dan wajah Sagiyah pada tahun 1961 – berbaju kebaya pendek dan berkain batik Jawa.

920.7209595


RUH

Kandungan

Kata Pengantar	vii
Kata Pendahuluan	xi
Nota Pengarang	xv
1 Tiada Berkesempatan Menatap Wajah...	1
2 Hidup Dalam Kasih	15
3 Menjunjung Tuah	51
4 Kearifan Kepimpinan	85
5 Petua-Petua Dan Resipi Kegemaran	127
6 Bersuami Tidak Memalukan, Beranak Tidak Mengecewakan	133
7 Luahan Melalui Puisi	173
8 Menjunjung Amanah	187
9 Tegak Tuah Kerana Muafakat	215
10 Waktu Ditunggu, Saat Dinanti	225
11 Himpunan Karya-Karya Nostalgia	229
Biodata Penulis	237
Index	239



Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama Tun Ahmad Sarji dan Toh Puan Sagiyah di Istana Alam Shah, Klang.



Sekapur Sireh



Pada tanggal 8hb. Disember 2017, jika diizinkan oleh Allah Subhanahu wa ta'ala, Sagiyah dan saya akan menyambut ulang tahun perkahwinan kami ke-55, iaitu melebihi setengah abad.

Di dalam 'memoirs' saya yang bertajuk *Given In Trust (2011)*, saya telah mengiktiraf Sagiyah demikian: "*She has brought up the children in the manner of a dutiful wife, concern for the family and the home, taught the children the Al-Quran, and being a mentor to the children*" (m.s. 862).

Hasil daripada didikannya, maka anakanda-anakanda kami merupakan insan-insan yang taat dan cermat kepada ibu dan bapa, terhadap guru berlaku hormat, dan menuntut ilmu sepenuh minat.

Saya amat berterima kasih kepada Sagiyah yang selama 54 tahun ini, beliau tahan bersakit, mau bersusah. Wataknya yang paling saya hargai adalah sifat merendah menjunjung tuah, kepada sanak saudara berkasih-kasih, kepada sahabat ia teladan, kepada suami (saya) sempurna lahir dan batinnya.

Bagi pihak anakanda-anakanda, setinggi-tinggi penghargaan kami sampaikan kepada Ruhayah Mahmud, yang telah sudi menulis buku yang diberi judul *SAGIYAH SALIKIN – TAHU MENJAGA TUAH*.

Ahmad Sarji bin Abdul Hamid

22hb. November, 2016

*Ketawa mengingati
zaman percintaan
yang melucukan.*





Sagiyah di waktu-waktu gembira.

Kata Pendahuluan

*Ku dedikasikan buku ini kepada Mariam Abu Bakar yang selalu ku rindui
Salikin Haji Jaabar yang tidak sempat melihat keluarga besarku.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terputus hubungan selama 43 tahun (1961 – 2004).

Pusat pemerintahan di Bukit Jugra,

Penduduk sekeliling orang Melayu;

Tidak disangka dan tidak diduga,

Bersua kembali murid dan guru.

Berbadan kecil dan lincah dia senantiasa ingin menarik perhatian saya.

Waktu itu saya menjadi guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Convent Klang.

Sesekali bila saya menulis tajuk karangan di papan hitam, pelajar yang bernama Ruhayah binti Mahmud ini kerap mengusulkan beberapa buah tajuk yang lain. Memang saya nampak minatnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan tidak hairanlah bila saya mendapat tahu dia telah menceburkan diri dalam dunia penulisan, selepas bersara dari Standard Chartered Bank di Klang. Pada awal pembabitannya dalam dunia penulisan, karya-karyanya yang menggunakan nama pena 'Puteri Klang' dan 'Puteri Andalas' kerap dimuatkan di majalah-majalah tanah air. Saya menumpang bangga dengan kejayaannya.

Silaturahim kami bercantum semula, apabila saya dan suami dijemput melancarkan novelnya yang bertajuk *Andainya Kutahu* pada tahun 2004. Pada waktu itulah, saya berpeluang bertemu semula dengannya dan juga beberapa orang bekas pelajar saya yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.


Saya gembira kerana minat berkarya telah mendekatkan saya dan Ruhayah kembali. Ruhayah aktif menulis cerpen dan novel dan saya cenderung dalam penulisan pantun, syair dan puisi.

Sewaktu saya ajukan soalan mengenai penulisan biografi dia menjawab belum pernah mencuba *genre* tersebut. Sebagai bekas gurunya saya telah memberi galakan untuk dia mencuba dan setelah berfikir, cadangan saya dipersetujui. Katanya, ini sebagai tanda penghargaannya terhadap saya, yang telah menanam minat menulis dalam dirinya sejak di bangku sekolah. Bertitik tolak dari pertemuan itu, tergeraklah hati saya untuk meninggalkan ‘satu bentuk kenangan abadi’ untuk tatapan dan ingatan manis kepada ahli keluarga, terutama anak-anak dan cucu-cucu saya, juga kepada teman-teman yang saya sayangi. Dan inilah hasil garapan dari anak didik saya sendiri.

Saya doakan agar Ruhayah terus berkarya selagi terdaya dan terus sukses dalam memartabatkan bahasa ibunda yang tercinta.

Toh Puan Sagiyah binti Salikin

Oktober, 2016



To Puan Seri
Sagiyah hite
Salikin

Imanara
1997



Profile Sagiyah karya seorang peminat negara Jepun.

Nota Pengarang



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillah dengan lafaz syukur ke hadrat *Allah subhannahu wa ta'ala* akhirnya saya dapat menyiapkan biografi Toh Puan Sagiyah binti Salikin Yang di-Pertua PUSPANITA (1990-1996) dan isteri kepada Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara (1990-1996) dan Pengerusi, Permodalan Nasional Berhad (1996-2016).

Budi Disanjung

Sejujurnya saya ingin luahkan di sini, Toh Puan Sagiyah telah menanam minat saya menulis di sekitar tahun 60an sewaktu saya menuntut di Sekolah Rendah Convent, Klang. Setelah bersara awal daripada Standard Chartered Bank Klang, saya menceburkan diri di dalam bidang penulisan. Alhamdulillah bidang penulisan inilah yang telah menemukan saya semula dengan Toh Puan Sagiyah.

Pada awalnya menulis biografi tidak pernah terlintas di hati saya. Tetapi...

Akar sulur tepian perigi,

Daun palas layu di peti;

Budi dibulur kusanjung tinggi,

Ingin kubalas seikhlas hati.

Tugas menulis biografi seorang figura yang dikenali, merupakan satu penghormatan dalam sejarah hidup saya. Terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada Toh Puan Sagiyah kerana meletakkan kepercayaan ini kepada saya. Juga kepada semua ahli keluarga Toh Puan Sagiyah, terutama sekali

kepada Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid yang telah memberi kerjasama dan mempermudah penulisan biografi ini dengan puluhan bahan, keratan majalah, makalah, gambar-gambar dan buku-buku panduan yang amat membantu.

Akhir kata saya mendoakan Toh Puan Sagiyah terus berada di dalam lingkaran kesejahteraan, kesihatan, kebahagiaan dan kasih sayang suami, anak-anak, menantu dan cucu-cicit yang disayangi dan menyayangi. Semoga Toh Puan Sagiyah terus berkarya demi kecintaannya memperkasakan bahasa ibunda.

*Sulam menarik di kebaya nyonya,
Di pasar seni hiasan lemari;
Yang baik-baik datang dari-NYA,
Kekurangan di sini kelemahan sendiri.*

**Puteri Andalas
(Ruhayah Mahmod)
Oktober, 2016**



*Sagiyah bersama Ruhayah
pada tahun 2014.*



Sagiyah sayu di pusara ibunya di Tanah Perkuburan Assam Jawa, Kuala Selangor.

Tiada Berkesempatan Menatap Wajah...



Puisi Buat Ibu –

Allabyarhamah Mariam Bt. Abu Bakar

Sepanjang hayatku

belum pernah kuraikan Hari Ibu

bukan kerana kesibukan

bukan kerana kelalaian

bukan juga kerana kejahilan

ini satu kesahihan

aku tiada berkesempatan

menatap wajah ibu.

Tiada kurasai

sentuhan pipimu ibu

Sagiyah Salikin: Tabu Menjaga Tuah merupakan biografi seorang figura yang dikenali ramai. Toh Puan Sagiyah binti Salikin adalah Yang Di-Pertua PUSPANITA (1990-1996) dan isteri kepada Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Negara (1990-1996) dan Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (1996-2016).

“Saya amat berterima kasih kepada Sagiyah yang selama 54 tahun ini, beliau tahan bersakit, mau bersusah. Wataknya yang paling saya hargai adalah sifat merendah menjunjung tuah, kepada sanak saudara berkasih-kasih, kepada sahabat ia teladan, kepada suami (saya) sempurna lahir dan batinnya.”

~ **Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid**

